RESOLUSI
SIMPOSIUM PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU
(22-24 MEI 2022)

Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu yang berlangsung pada 22-24 Mei 2022 di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia dan ditutup oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara mengambil ketetapan yang berikut.

Dengan berdasarkan hakikat bahawa:

1. Bahasa Melayu ialah bahasa asas tamadun di alam Melayu yang asalnya dikenal sebagai Pentas Sunda sejak puluhan ribu tahun lalu dan secara nyata menjadi bahasa pemerintahan, bahasa perhubungan umum dan bahasa perdagangan semasa kerajaan-kerajaan awal seperti Campa, Langkasuka, Kedah Tua dan Sriwijaya;

2. Bahasa Melayu menjadi wahana semua aspek tamadun di alam Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu bermula pada sekitar abad ke-13 Masihi, antaranya bidang keagamaan, ketatanegaraan, undang-undang, perubatan, persenjataan, susastera (prosa dan puisi) dan diplomasi;

3. Bahasa Melayu merentas wilayah dan ratusan etnik di alam Melayu sejak zaman kerajaan Melayu awal dan secara jelas dalam zaman Kesultanan Melayu bermula pada abad ke-13 sehingga Bahasa Melayu menjadi unsur penyatuan serantau;

4. Bahasa Melayu telah mencapai keantarabangsaan sejak kerajaan Melayu awal, berkembang dalam zaman Kesultanan Melayu dan perlu diberi nafas kesinambungannya dalam zaman moden;

5. Pentingnya bahasa Melayu di Malaysia diperkukuh peranannya sebagai tonggak tamadun negara;

6. Pentingnya bahasa Melayu diusahakan menjadi bahasa rasmi ASEAN, bermula dengan bahasa rasmi kedua;

7. Pentingnya bahasa Melayu diperluas penggunaannya dalam urusan rasmi kerajaan Malaysia di forum antarabangsa;

8. Pentingnya ada perancangan pelan tindakan strategik untuk memperkukuh bahasa Melayu di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Maka Simposium Pengantarabangsaan Bahasa (22-24 Mei 2022) mengemukakan usul yang berikut:

Peringkat Negara

1. Semua sektor, iaitu pentadbiran, pendidikan, undang-undang, penyiaran, tempat awam dan yang lain menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Untuk tujuan penilaian dan pemantauan berterusan, Program Audit Bahasa Melayu yang digerakkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 2013 perlu dipesatkan dan diperluas pelaksanaannya di agensi, syarikat berkaitan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan institusi lain.

2. Prestasi penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi, selaras dengan Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan, perlu dimasukkan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua institusi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam.

3. Akta DBP 1959 yang terhad pada aspek prasarana DBP sebagai badan berkanun perlu dipinda untuk menjadikan DBP "badan berkuasa bahasa" tertinggi di Malaysia yang mempunyai wibawa dan wewenang dalam fungsi penguatkuasaan, pengiktirafan, penarafan dan pelesenan berkaitan dengan bahasa Melayu.

4. Kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai "pemelihara" bahasa Melayu sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan mestilah dihormati, dipatuhi dan direalisasikan dalam pelaksanaan kedudukan bahasa Melayu dan tindakan undang-undang mesti dikenakan kepada mana-mana pihak yang mempertikaikan kuasa Yang di-Pertuan Agong itu.

5. Program Munsyi Muda Bahasa yang mula digerakkan pada tahun 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan DBP perlu dipesatkan dan diperluas di setiap jabatan dan agensi kerajaan untuk memastikan pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang bermutu dan berkesan.

6. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mesti melaksanakan Undang-undang Kecil Pengiklanan yang memperuntukkan ketetapan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di tempat awam.

7. Kementerian Pendidikan perlu memansuhkan program yang bercanggah dengan dasar bahasa kebangsaan atau yang melemahkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa utama pendidikan negara seperti Program Dwibahasa (*Dual Language Programme*).

8. Kementerian Pendidikan perlu memastikan satu piawai atau standard sahaja bagi bahasa Melayu dalam sistem persekolahan tanpa berdasarkan aliran kebangsaan dan jenis kebangsaan.

9. Sekolah jenis kebangsaan, selama diberi bantuan oleh kerajaan, mesti membuat perancangan dan pelaksanaan agar peningkatan peratusan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dilakukan dari tahun ke tahun sehingga tercapai penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

10. Program Audit Bahasa Melayu perlu dilaksanakan di IPT di negara ini untuk memastikan bahawa bahasa Melayu dilaksanakan penggunaannya sebagai bahasa ilmu tinggi, selaras dengan Pelan Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi di IPT negara ini yang dimulakan pada tahun 2011.

11. Pelan Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi di IPT perlu disusuli dengan pelaksanaannya secara serius oleh IPT dan pemantauan serta penilaian perlu dilakukan oleh KPT.

12. Dana program pengayaan khazanah ilmu melalui geran penyelidikan dan penerbitan karya ilmu pelbagai bidang dan sastera dalam bahasa Melayu perlu diberi keutamaan oleh kerajaan dalam belanjawan negara.

13. Institut pengajian tinggi di negara ini perlu menyeimbangkan penerbitan dalam jurnal terindeks dan berimpak tinggi untuk tujuan penarafan universiti dengan penerbitan yang bersifat advokatif untuk pemasyarakatan ilmu dengan lebih meluas.

14. Institusi pengajian tinggi mesti memberikan merit yang tinggi kepada penerbitan yang bermutu dalam bahasa Melayu untuk pengiktirafan kesarjanaan tenaga akademik.

15. Kementerian Komunikasi dan Multimedia, khasnya melalui FINAS perlu menjadikan industri kreatif sebagai wasilah yang berkesan dalam penyebaran ilmu dan maklumat dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan bahasa, sastera, sejarah, warisan serta sains dan teknologi, untuk kegunaan di dalam negara dan juga untuk penyebarannya di peringkat antarabangsa.

16. Pengayaan korpus ilmu dalam bahasa Melayu perlu bersandarkan sumber yang seluas-luasnya dari seluruh negara secara inklusif.

Peringkat Serantau dan Antarabangsa

1. Kementerian-kementerian utama yang berkaitan dengan pengantarabangsaan bahasa Melayu perlu mengemukakan pelan tindakan

strategik masing-masing melalui wacana pascasimposium bersama-sama dengan Jabatan Perdana Menteri, DBP, ATMA UKM dan IPM UPSI dan badan-badan lain yang akan dikenal pasti untuk diikutsertakan. Antara kementerian berkenaan termasuklah Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Negara, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa.

2. Kementerian Pengajian Tinggi perlu mengaktifkan semula Kursi Pengajian Tamadun Alam Melayu (sebagai peluasan daripada "pengajian Melayu") di luar negara dengan penambahbaikan pengisiannya dan pengurusannya supaya benar-benar berkesan dalam mengangkat bahasa dan tamadun alam Melayu di persada dunia.

3. Program Pengembangan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Negara-negara ASEAN yang digagaskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, dengan ATMA UKM sebagai urus setia induknya, perlu dirancang dan dilaksanakan sebagai wasilah untuk penyelarasan gerak kerja penyelidikan, penerbitan, pangkalan data bahasa Melayu merentas bidang tamadun alam Melayu dan kegiatan pemupukan, bagi IPT di negara-negara ASEAN.

4. Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1997 dan mula beroperasi pada tahun 2000 perlu diberi dukungan kewangan yang cukup oleh kerajaan untuk membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai urus setianya menggerakkan program pengantarabangsaan bahasa Melayu secara terancang dan berterusan.

5. Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) perlu merancang peningkatan program penyelidikan dan pengembangan bahasa untuk golongan diaspora Melayu yang tersebar di sebahagian wilayah di dunia seperti di Sri Lanka, Surinam, Afrika Selatan dan Timur Tengah.

6. Kementerian Pengajian Tinggi, khasnya MQA perlu mewajibkan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Warga Asing (SKBMW) diambil oleh pelajar asing di Malaysia dan sijil itu diiktiraf sebagai ujian tara bagi bahasa Melayu sebagaimana TOEFL dan IELTS bagi Bahasa Inggeris dan HSK (*Hanyu Shuiping Kaoshi* atau *Chinese Proficieny Test*) bagi bahasa Mandarin dan DILF, DELF dan DALF, bagi bahasa Perancis.

7. Semua penjawat awam mesti mematuhi Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan Malaysia di luar negara.

8. Kementerian Luar Negeri dengan Kerjasama DBP dan badan lain yang berkenaan perlu menyegerakan program Latihan pembinaan jurubahasa dalam bahasa-bahasa utama dunia agar proses terjemahan daripada bahasa

Melayu kepada Bahasa-bahasa itu dan sebaliknya dapat dilakukan dengan cekap.

9. Institusi yang berkeahlian dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing (seperti Akademi DBP, ATMA UKM, UPSI dll.) perlu memantapkan sukatan kursus dan modul Bahasa Melayu untuk penutur asing untuk diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu di peringkat ASEAN dan peringkat antarabangsa.

10. Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) perlu menggerakkan usaha pemilihan dan penerbitan tesis/disertasi berbahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu yang dihasilkan di negara-negara anggota pendukungnya, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan negara pemerhati, iaitu Singapura dan Thailand dalam rangka pengayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu. Langkah itu dapat diperluas di peringkat antarabangsa.

11. Pengantarabangsaan bahasa Melayu perlu berasaskan pemerkayaan khazanah atau kosa ilmu merentas bidang (ilmu tanzil, falsafah, sains kemanusiaan dan kemasyarakatan dan sains tabii) sebagai kandungan bahasa, untuk mengisi agenda globalisasi seimbang dari timur ke barat, selain dari barat ke timur, melalui penerbitan.

12. Himpunan memori ilmu yang mewakili kearifan setempat alam Melayu perlu disebarluaskan melalui penerbitan bercetak dan elektronik oleh IPT secara terancang di peringkat antarabangsa melalui program pengantarabangsaan bahasa Melayu.

13. IPT perlu membina korpus ilmu yang mengangkat ilmu mandiri alam Melayu berpaksikan epistemologi alam Melayu dan bebas daripada keterikatan kepada fahaman seperti Eurosentrisme dan Oreintalisme dalam program pengantarabangsaan bahasa Melayu.

14. Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi perlu memulakan langkah menubuhkan universiti pengajian asing sebagai strategi pertukaran ilmu, maklumat dan kemahiran silang negara sedunia, sebagaimana yang dilaksanakan oleh negara seperti Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan, yang pada yang sama mengangkat Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

15. Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi perlu merancang penghantaran tenaga pengajar bahasa Melayu ke institusi di luar negara sebagai pengembang bahasa Melayu yang berkesan, berbanding dengan hanya penghantaran bahan rujukan.

16. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi perlu merancang penawaran biasiswa kepada pelajar bidang bahasa Melayu atau pengajian tamadun Melayu dari luar negara.

17. Kerajaan perlu mengangkat program terjemahan menjadi agenda negara untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu dalam mengetengahkan karya-karya ilmu dan sastera berbahasa Melayu ke dalam bahasa-bahasa lain dan sebaliknya karya ilmu dan sastera daripada bahasa-bahasa lain ke dalam bahasa Melayu untuk pemanfaatan sejagat kekuatan tamadun manusia sedunia.

18. Kerajaan melalui DBP perlu melantik agen sastera di wilayah sedunia seperti di Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, Afrika, Oceania dan bahagian lain Asia.

Dr. Kamarul Zaman bin Haji Yusoff (Pengarah)
Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan (Pengarah Bersama)
Datuk Abang Salehuddin bin Abang Shokeran (Setiausaha)
Prof. Dr. Tajul Suhaizam bin Said (Pengerusi Jawatankuasa Simposium)

24 Mei 2022